EVOLUSI DEKAD
DEWAN LATIHAN MARA ke UITM
1956-2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA®

RONA TINTA

EDISI 2026




PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA MENURUT FARAID: TANGGUNGJAWAB, KEUTAMAAN DAN HAK WARIS

Nurain Farahana Zainal Abidin, Masrul Hayati Kamarulzaman, Asiah Ali
Asma' Rashidah Idris, Azila Sahrim, Zuliana Zoolkefli, Noor Azila Mohd Zaid & Ahmad Farouk Zulkifli

Pembahagian harta mengikut Faraid merupakan sistem pembahagian harta pusaka dalam Islam yang ditetapkan secara terperinci menerusi Al-Quran (khususnya Surah An-Nisaa') dan Hadis. Faraid berkuat kuasa secara automatik sebaik sahaja seseorang umat Islam meninggal dunia, tetapi ia dilaksanakan pada peringkat akhir selepas pelbagai kewajipan harta simati diselesaikan. Sebelum baki harta diagihkan mengikut Faraid, waris atau pentadbir wajib melunaskan perkara-perkara mengikut hirarki berikut:

1. **Kos Pengurusan Jenazah:** Kewajipan paling utama. Diambil terus daripada wang/aset simati jika tiada penaja.
2. **Hutang Simati:** Wajib dilunaskan sepenuhnya. Hutang dengan Allah (seperti fidyah atau zakat) wajib diutamakan atau diselaraskan bersama hutang manusia.
3. **Harta Sepencarian:** Pasangan yang ditinggalkan berhak memohon bahagian hak usaha bersama (kebiasaannya 1/3 hingga 1/2 mengikut keputusan Mahkamah Syariah) sebelum baki dianggap sebagai pusaka bersih.
4. **Wasiat:** Hanya dikira selepas kos jenazah, hutang, dan harta sepencarian ditolak. Dihadkan kepada maksimum 1/3 dan bukan untuk waris Faraid.
5. **Pembahagian Faraid/Takharuj:** Merupakan langkah terakhir. Waris boleh memilih sama ada mengikut Faraid sepenuhnya atau membuat kesepakatan (Takharuj) secara reda atas persetujuan semua waris.

Selepas semua kewajipan si mati dilunaskan, barulah baki harta yang tinggal layak dibahagikan secara Faraid. Dalam syariat Islam, harta Faraid merupakan hak eksklusif yang ditetapkan khusus untuk waris yang sah sahaja, iaitu mereka yang mempunyai pertalian darah (nasab) atau ikatan perkahwinan. Golongan seperti anak angkat, anak tiri, ibu bapa tiri, mertua, menantu, dan pasangan yang telah bercerai tidak berhak menerima harta pusaka.



Jadual 1: Pembahagian Faraid

Manakala bagi anak tak sah taraf, hak pewarisan hanya terjalin dengan ibu kandung sahaja dan tidak terpakai bagi pihak bapa. Meskipun golongan bukan waris tidak berhak menerima harta secara Faraid, Islam tetap menyediakan saluran alternatif seperti hibah dan wasiat bagi memastikan kebajikan dan hak mereka terus terjaga. Jadual di atas menunjukkan pembahagian harta pusaka mengikut bahagian yang telah ditetapkan dalam hukum faraid. Secara ringkas, bahagian ibu, ayah, suami dan isteri bergantung pada keadaan waris yang ditinggalkan, khususnya sama ada si mati mempunyai anak atau tidak. Bagi anak lelaki dan anak perempuan, pembahagian adalah mengikut nisbah 2:1, iaitu anak lelaki menerima dua bahagian berbanding satu bahagian anak perempuan.


Uji kefahaman:

Encik Ahmad meninggal dunia dan meninggalkan harta pusaka bersih sebanyak RM120,000. Beliau meninggalkan:

- ✓ Seorang isteri
- ✓ Seorang anak lelaki
- ✓ Seorang anak Perempuan

Berapakah bahagian faraid setiap waris?

Rujuk kepada gambarajah dibawah:



Tentukan bahagian setiap waris

Isteri: $\frac{1}{8}$

Anak Lelaki: 2: 1

Anak Perempuan: 1:2

Kira jumlah yang diperoleh setiap waris:

Isteri : $\frac{1}{8}\ x\ RM120\ 000 = RM\ 15\ 000$

Baki: $RM\ 120\ 000 - RM\ 15\ 000 = RM105\ 000$

Baki dibahagi untuk anak lelaki dan Perempuan:

2 :1 = 2 bahagian + 1 bahagian = 3 bahagian

3 bahagian = $\frac{RM\ 105\ 000}{3} = RM\ 35\ 000$

Maka:

Anak Lelaki: 2 : $RM\ 35\ 000\ X\ 2 = RM\ 70\ 000$

Anak Perempuan: 1: $RM\ 35\ 000$

Pecahan dan jumlah untuk setiap waris:

Waris	Pecahan	Jumlah
Isteri	$\frac{1}{8}$	RM 15 000
Anak Perempuan	$\frac{7}{24}$	RM 35 000
Anak Lelaki	$\frac{14}{24} = \frac{7}{12}$	RM 70 000

$pecahan\ untuk\ anak\ lelaki\ \&\ perempuan\ \frac{8}{8} - \frac{1}{8} = \frac{7}{8}$

$\frac{7}{8}\ diberi\ kepada\ 3\ bahagian\ maka\ , \frac{\frac{7}{8}}{3} = \frac{7}{8} x \frac{1}{3} = \frac{7}{24}$

$maka\ \frac{7}{24} untuk\ 1\ bahagian, dan\ untuk\ dua\ bahagian = \frac{7}{24} + \frac{7}{24} = \frac{14}{24}$

$= \frac{7}{12} (pecahan\ dipermudahkan)$